

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17 April 2017**

**SOALAN**

DATO' SHAHANIM BINTI MOHAMAD YUSOFF minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah rumah anak yatim yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh negara dan berapakah jumlah rumah anak yatim yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau pertubuhan bukan Kerajaan serta bagaimakah cara terbaik Kerajaan Persekutuan untuk memastikan semua kebajikan dan kos selenggaraan rumah-rumah anak yatim ini lebih praktikal dan anak-anak yatim mendapat kesejahteraan hidup yang lebih sempurna.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terdapat kebajikan anak-anak yatim yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan. Selain daripada KPWKM, pelbagai pihak turut terlibat dalam memastikan kebajikan dan kos selenggaraan rumah-rumah anak yatim dapat diberikan dan anak-anak yatim mendapat kesejahteraan hidup yang lebih sempurna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada KPWKM, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri ataupun pertubuhan sukarela kebajikan turut terlibat dalam penyaluran bantuan kepada institusi ini. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai data berkaitan rumah anak yatim berdasarkan pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 yang dikuatkuasa oleh JKM dan dikendalikan sepenuhnya oleh pertubuhan yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS). Sebanyak 373 buah pusat jagaan yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 sepanjang tahun 2016 dan daripada jumlah itu, sebanyak 215 buah pusat jagaan dikategorikan sebagai pusat jagaan kanak-kanak termasuk rumah anak-anak yatim yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi Bantuan Kewangan kepada pusat jagaan di bawah kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Bantuan kewangan ini turut meliputi pusat jagaan yang menjaga Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Bantuan ini adalah berbentuk Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan. Bagi memastikan kebajikan anak-anak yatim yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 terpelihara, beberapa usaha telah diambil iaitu : i. Pihak JKM menggunakan Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada PSK bagi memastikan penghuni di PSK mendapat manfaat dan kesejahteraan melalui perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan yang disediakan oleh PSK. Pada tahun 2016, sebanyak 98 buah PSK di seluruh Malaysia mengendalikan rumah anak yatim melibatkan 5,023 penghuni dengan jumlah Bantuan Kewangan Kerajaan yang diterima sebanyak RM7,567,529.00. ii. Pemeriksaan berkala ke pusat jagaan dan rumah anak yatim dipertingkatkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang berkaitan. Sebagai contoh Jabatan Kebajikan Masyarakat telah meningkatkan bilangan pemeriksaan berkala ke pusat jagaan berkediaman kepada 1800 kali pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 ; dan iii. Meningkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang jika terbukti pusat gagal memberi kesejahteraan kepada kanak-kanak. Contohnya tindakan membuka kertas siasatan terhadap pelanggaran undang-undang atau menyalahi syarat yang dikenakan yang berkaitan kesejahteraan penghuni.

